



## PANDUAN PENULISAN

# LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

**UNIT PERHUBUNGAN  
DAN  
LATIHAN INDUSTRI**



# **PANDUAN PENULISAN LAPORAN LATIHAN INDUSTRI**

**UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI**

2026

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA  
KM 2.5, JALAN MERLIMAU-JASIN  
77300 MERLIMAU MELAKA

## Edisi eBook, 2026

*Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam simpanan kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, fotokopi, penggambaran semula dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin secara bertulis daripada pihak Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) Politeknik Merlimau Melaka*

Diterbitkan oleh:

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA  
KM 2.5 JALAN MERLIMAU-JASIN  
77300 MERLIMAU  
MELAKA  
06-2636687



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7737-45-4

# **SIDANG REDAKSI**

## **Penaung**

Lt. Kolonel Norizam bin Sekak

## **Penasihat**

Faridatuljana binti Mohd Noor

## **Pemudahcara**

Noorasikin binti Abdul Rahman (Ketua)

Nur Hidayah binti Mohamad

## **Penulis**

Ishak bin Mohamed Basir (Ketua)

Muaini Hanik Zunairah binti Haron

## **Editor**

Dr. Noor Azah binti Abdul Raman (Ketua)

Nurul Zahirah binti Khairul Anur@Anuar

Nur Aliah binti Daud

## **Rekabentuk & Grafik**

Aizaliana binti Mohamad Adnan

# Pengenalan

Buku Panduan Penulisan Laporan Latihan Industri (PPLLI) Politeknik diterbitkan untuk membantu pelajar Politeknik Malaysia menyediakan Laporan Latihan Industri (LLI). Laporan ini wajib disediakan dan dihantar untuk dinilai selepas tamat latihan industri. Masalah yang kerap berlaku ialah laporan pelajar tidak menepati format umum dan khusus, serta terlalu ringkas dan tidak merangkumi semua tugas yang dilaksanakan, sekali gus menjejaskan kualiti LLI.

Panduan ini memberi kefahaman kepada pelajar mengenai kaedah yang betul untuk menghasilkan laporan industri berkualiti. Ia juga sesuai dijadikan rujukan oleh pensyarah dan panel penilai untuk menilai LLI secara adil, serta membantu penyelia industri menetapkan skop laporan yang sesuai.

LLI boleh digunakan sebagai dokumen sokongan untuk temuduga kerja selain sijil akademik. Diharapkan pelajar memahami kaedah penulisan yang betul, menghasilkan LLI berkualiti, memberi impak kepada pencapaian mereka, dan memperoleh keputusan cemerlang bagi kursus ini demi masa hadapan.

# PRAKATA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmatNya, buku Panduan Penulisan Laporan Latihan Industri berjaya disempurnakan. Buku panduan ini diterbitkan bagi kegunaan pelajar politeknik Malaysia khususnya pelajar-pelajar Politeknik Merlimau Melaka.

Buku ini merupakan panduan serta rujukan bagi semua pelajar politeknik yang bakal atau sedang menjalani Latihan Industri. Bagi memastikan keseragaman dalam penyediaan Laporan Latihan Industri dikalangan pelajar, pihak Unit Perhubungan dan Latihan Industri, Politeknik Merlimau Melaka mengambil inisiatif menerbitkan buku panduan ini. Selain itu, diharapkan buku panduan sangat membantu serta membolehkan para pelajar menghasilkan satu laporan yang berkualiti, bermutu serta menepati standard yang diperlukan dalam mencerminkan prestasi, komitmen serta tanggungjawab pelajar.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penulis, editor dan individu yang menyumbang maklumat serta informasi berkaitan serta semua pihak yang sama-sama terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Semoga ianya dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh para pelajar.

Sekian, terima kasih.

En. Ishak Bin Mohamed Basir  
Ketua Penulis

# ISI KANDUNGAN

## PERKARA

## MUKA SURAT

|   |           |
|---|-----------|
| SIDANG REDAKSI  | i         |
| PENGENALAN  | ii        |
| PRAKATA   | iii       |
| <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>                                       | <b>1</b>  |
| 1.1 Objektif Panduan Laporan Latihan Industri                   | 1         |
| 1.2 Jadual Perancangan Laporan Latihan Industri                 | 2         |
| <b>BAB 2: PANDUAN UMUM</b>                                      | <b>5</b>  |
| 2.1 Kertas  | 5         |
| 2.2 Penaipan  | 5         |
| 2.3 Pencetakan  | 6         |
| 2.4 Kulit Hadapan Rasmi Laporan Akhir Latihan Industri          | 7         |
| 2.5 Bilangan Halaman  | 7         |
| 2.6 Penulisan Tajuk Jadual                                      | 7         |
| 2.7 Penerangan Rajah atau Jadual                                | 8         |
| <b>BAB 3: SAIZ DAN FORMAT</b>                                   | <b>9</b>  |
| 3.1 Jidar   | 9         |
| 3.2 Langkau Baris   | 11        |
| 3.3 Nombor Muka Surat   | 11        |
| 3.4 Nombor Bab, Tajuk dan Sub-Tajuk                             | 12        |
| 3.5 Format Jadual   | 12        |
| 3.6 Format Rajah  | 12        |
| <b>BAB 4: FORMAT KANDUNGAN LAPORAN</b>                          | <b>13</b> |
| 4.1 Struktur Laporan Latihan Industri                           | 12        |
| 4.2 Muka Hadapan  | 14        |
| 4.3 Borang Pengesahan Semakan Laporan Akhir<br>Latihan Industri | 14        |
| 4.4 Pengesahan Pelajar  | 14        |

# ISI KANDUNGAN

## PERKARA

## MUKA SURAT

|  |           |
|--|-----------|
| 4.5 Penghargaan  | 14        |
| 4.6 Isi Kandungan  | 15        |
| 4.7 Senarai Jadual   | 15        |
| 4.8 Senarai Rajah  | 15        |
| 4.9 Senarai Simbol   | 15        |
| 4.10 Senarai Singkatan   | 15        |
| 4.11 Senarai Lampiran  | 16        |
| 4.12 Kandungan Bab   | 16        |
| 4.12.1 Bab 1 – Pengenalan dan Latar Belakang Organisasi<br>/Industri Latihan | 16        |
| 4.12.2 Bab 2 – Ringkasan Aktiviti Latihan Industri                           | 17        |
| 4.12.3 Bab 3 – Laporan Teknikal/Tugasan                                      | 18        |
| 4.12.4 Bab 4 – Kesimpulan dan Cadangan                                       | 18        |
| 4.13 Rujukan   | 19        |
| 4.14 Lampiran  | 19        |
| <b>BAB 5: RUJUKAN TEKS</b>   | <b>20</b> |
| 5.1 Tujuan   | 19        |
| 5.2 Sistem Pengarang-Tahun   | 19        |
| 5.3 Format Penulisan Rujukan   | 20        |
| <b>BAB 6: KESIMPULAN</b>   | <b>25</b> |
| <b>RUJUKAN</b>   | <b>26</b> |
| <b>LAMPIRAN</b>  | <b>27</b> |

# BAB 1: PENDAHULUAN

Buku Panduan Penulisan Laporan Latihan Industri (PPLLI) adalah dokumen rujukan yang disediakan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI), Politeknik Merlimau Melaka (PMM) untuk membantu pelajar merekodkan serta mengumpulkan segala aktiviti dan pengalaman sepanjang tempoh praktikal mereka secara sistematik dan tersusun. Secara ringkasnya, ia merupakan manual panduan yang menetapkan format, struktur, dan piawaian penulisan yang perlu dipatuhi oleh pelajar seterusnya untuk memastikan laporan industri yang dihasilkan adalah seragam, profesional, dan memenuhi kriteria akademik yang ditetapkan oleh jabatan akademik.

## 1.1 Objektif

Buku PPLLI ini dibangunkan bagi mencapai matlamat dan tujuan berikut:

### 1.1.1 Penyeragaman Format

Memastikan semua pelajar menghasilkan laporan dalam format yang konsisten seperti jenis tulisan, langkauan baris, dan susun atur margin. Secara tidak langsung ini membantu memudahkan proses penyemakan dan penilaian oleh pensyarah penilai.

### 1.1.2 Panduan Pengumpulan Data

Membantu pelajar mengenalpasti maklumat penting yang perlu direkodkan seperti latar belakang organisasi, carta organisasi, skop kerja harian serta kaedah mendokumentasikan proses kerja secara sistematik dengan bantuan dokumen sokongan samada dalam bentuk gambar foto, diagram, jadual atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti teknikal.

### **1.1.3 Pembuktian Latihan dan Pengalaman**

Menjadi bukti sahih bahawa pelajar telah menjalani latihan industri dalam tempoh yang ditetapkan dan membolehkan pelajar mengaitkan teori yang dipelajari di dalam kelas dengan praktikal yang dilakukan di tempat kerja.

### **1.1.4 Pembangunan Kemahiran Komunikasi Bertulis**

Melatih pelajar untuk menulis secara profesional dan teknikal serta meningkatkan kemahiran menyusun idea dan laporan dengan penggunaan bahasa yang tepat dan berstruktur.


### **1.1.5 Sebagai Rekod Rujukan Masa Hadapan**

Laporan yang mengikut panduan boleh menjadi portfolio bagi pelajar apabila memohon pekerjaan selepas tamat pengajian. Pihak institusi, jabatan akademik dan pelajar lain juga dapat menjadikan Laporan Latihan Industri (LLI) sebagai rujukan mengenai fungsi sesebuah organisasi.


## **1.2 Jadual Perancangan**

Penyediaan LLI perlu dirancang sebaiknya oleh pelajar bagi memastikan proses pengumpulan maklumat dan data adalah tepat, tidak tercicir atau bercelaru. Pengurusan masa yang baik juga dapat memastikan pelajar menyusun kandungan tugas secara harian atau mingguan mengikut kronologi atau kepentingan tugas. Selain itu, ia turut mengelakkan kerja di saat akhir yang sering menyebabkan kualiti laporan merosot. Perancangan aktiviti latihan industri dan LLI diberi dalam bentuk carta alir seperti **Rajah 1.2.1 dan Rajah 1.2.2.**

UPLI, PMM meletakkan harapan tinggi agar pelajar menjaga etika akademik, menunjukkan disiplin yang tinggi serta menjaga kerahsiaan organisasi mengikut garis panduan etika industri. Buku PPLLI dibangunkan bukan sekadar sebagai rujukan format, tetapi sebagai satu instrumen untuk memastikan kualiti dokumentasi pelajar mencapai tahap profesional, membantu pelajar mendapat markah yang cemerlang seterusnya boleh dijadikan sebagai portfolio apabila memohon pekerjaan selepas tamat pengajian nanti.



**Rajah 1.2.1:** Carta Alir Perancangan Aktiviti dan Laporan Latihan Industri bagi Program Bukan Kejuruteraan



**Rajah 1.2.2:** Carta Alir Perancangan Aktiviti dan Laporan Latihan Industri bagi Program Kejuruteraan

# BAB 2: PANDUAN UMUM

Secara umumnya, penulisan Laporan Latihan Industri (LLI) hendaklah disediakan oleh pelajar yang menjalani latihan industri secara bertaip menggunakan aplikasi seperti *Microsoft Word* dan mengikut ketetapan penggunaan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris secara keseluruhannya.

## 2.1 Kertas

Kertas yang digunakan hendaklah dipilih berdasarkan saiz dan jenis yang sesuai. Ini adalah untuk memastikan laporan yang dihasilkan menjadi lebih kemas, bersih dan berkualiti.

### 2.1.1 Saiz

Kertas yang digunakan untuk mencetak laporan ialah kertas bersaiz A4 (210mm x 297mm).

### 2.1.2 Jenis

Kertas yang digunakan hendaklah berwarna putih serta mempunyai jisim sekurang-kurangnya 80mg.

## 2.2 Penaipan

Penaipan pada laporan hendaklah mengikut format yang telah ditetapkan.

### 2.2.1 Jenis Huruf dan Saiz

Gunakan font **Arial** saiz 11 untuk keseluruhan laporan. Laporan boleh ditulis sepenuhnya dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Pelajar perlu merujuk kepada Penyelaras Latihan Industri Jabatan (PLIJ) untuk penyesuaian bahasa. 5

## 2.2.2 Penaipan Tajuk

Tajuk bab hendaklah ditaip dengan huruf besar serta ditebalkan (***bold***) manakala sub tajuk pula hendaklah menggunakan huruf kecil serta ditebalkan (***bold***) mengikut ketetapan dalam **Lampiran O**. Semua permulaan tajuk bab mestilah ditaip pada ukuran 2.5cm dari birai atas.

## 2.2.3 Spacing Teks

Teks hendaklah ditaip dari kiri ke kanan dengan penjajaran *justified*. Penaipan pada setiap perenggan hendaklah dibuat *tab* 25mm dari *left margin*.

## 2.2.4 Selang Baris

Teks hendaklah ditaip selang atau setengah baris atau penjajaran pada *1.5 lines*. Pelarasan juga dibuat pada *spacing* iaitu *before=0* dan *after=0*. Bagi memulakan perenggan baru, baris pertama hendaklah ditaip selang sebaris di bawah ayat terakhir perenggan sebelumnya.

## 2.2.5 Perenggan

Perenggan pertama bagi setiap tajuk hendaklah dimulakan dengan *tab* berukuran 25mm dari kiri. *Tab* ini juga diguna pakai untuk perenggan kedua dan seterusnya. Perenggan terakhir pada baris terakhir halaman hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris bercetak. Jika kurang daripada dua baris, teks tersebut hendaklah dipindahkan ke halaman berikutnya sebagai perenggan baru.

## 2.3 Pencetakan

Laporan hendaklah ditaip menggunakan komputer dan dicetak menggunakan mesin pencetak *laser* atau mesin pencetak yang mempunyai kualiti setaraf dengannya.

### **2.3.1 Cetakan Penilaian dan Semakan**

Bagi pelajar kejuruteraan, pelajar dikehendaki menghantar satu cetakan laporan *binding* serta dibawa bersama semasa melapor diri tamat latihan industri di institusi. Manakala, bagi pelajar bukan kejuruteraan pelajar dikehendaki menghantar *soft copy* kepada PLIJ di jabatan.

### **2.4 Kulit Hadapan Rasmi Laporan Latihan Industri**

Penyediaan kulit hadapan LLI hendaklah dibuat dengan teliti dengan merujuk kepada Lampiran A bagi memastikan keseragaman format yang ditetapkan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI).

### **2.5 Bilangan Halaman**

Laporan dari Bab 1 hingga Bab 6 adalah sekurang-kurangnya 30 muka surat termasuk lampiran dan muka hadapan laporan.

### **2.6 Penulisan Tajuk Jadual**

Setiap judul yang dimasukkan di dalam laporan hendaklah diberikan tajuk dan nombor rujukan supaya mudah dirujuk dan difahami merujuk kepada Lampiran N, tajuk pada jadual hendaklah ditaip di atas dan jarak di tengah halaman, manakala rujukan bagi jadual yang diambil daripada sesuatu sumber perlu ditaip di bawah jadual tersebut mengikut nama penulis atau penerbit dan tahun diterbitkan serta dicondongkan.

## 2.7 Penerangan Rajah atau Jadual

Semasa penulisan, pastikan rujukan dibuat kepada setiap rajah atau jadual yang dimasukkan. Penulis perlu mengelak daripada menulis seperti “Jadual di atas menunjukkan.....” atau “Jadual di bawah menunjukkan.....”

**Contoh:**

***“Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.11”,***


**atau**

***“Jadual 3.12 menunjukkan bilangan .....”***

# BAB 3: SAIZ DAN FORMAT

## 3.1 Jidar

Jidar atau *margin* hendaklah dilaras dalam ukuran mm. Pelarasan ini bertujuan untuk memudahkan penetapan ukuran sebenar jidar. Pelarasan ukuran ini boleh dirujuk pada **Rajah 3.1**.




Rajah 3.1: Kaedah pelarasan unit pada jidar di “Microsoft Office”

### 3.1.1 Ukuran

Ukuran jidar hendaklah dilaraskan 2.5cm jidar atas, 2.5cm jidar bawah, 2.5cm jidar kanan dan 3.8cm jidar kiri pada halaman pertama setiap bab. Manakala halaman seterusnya, dilaraskan 2.5cm jidar atas, 2.5cm jidar bawah, 2.5cm jidar kanan dan 3.85cm jidar kiri. **Rajah 3.2** menunjukkan pelarasan pada jidar. Berikut ialah langkah pelarasan pada jidar;

- (i) Klik pada “*New Blank Document*”
- (ii) Klik “*Layout – Page Setup*”
- (iii) Klik pada “*Paper A4*”
- (iv) Klik pada “*Margin*”
- (v) Masukkan ukuran yang telah ditetapkan dalam unit millimeter pada “*Top*”, “*Bottom*”, “*Left*” dan “*Right*” dan tekan “*OK*” setelah selesai.



**Rajah 3.2:** Kaedah pelarasan jidar dan saiz kertas

### 3.2 Langkau Baris

Langkau baris ialah merujuk kepada jarak *enter* yang ditetapkan pada beberapa bahagian penulisan. Penetapan ini boleh dirujuk pada **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1:** Penetapan langkau baris pada penulisan

| Bahagian  | Langkau Baris |
|---|---------------|
| Antara nombor bab dan tajuk bab                   | 2             |
| Antara tajuk bab dan perenggan pertama            | 1             |
| Antara perenggan dan sub tajuk                    | 1             |
| Antara sub tajuk dan perenggan                    | 1             |
| Antara perenggan dan perenggan seterusnya         | 1             |
| Antara perenggan dan jadual atau rajah            | 1             |
| Antara jadual atau rajah dan perenggan seterusnya | 1             |
| Antara perenggan dan sub tajuk                    | 1             |

### 3.3 Nombor Muka Surat

Nombor muka surat hendaklah berada di sudut bawah sebelah kanan. Jenis huruf yang digunakan ialah **Arial** bersaiz **11** poin. Nombor muka surat teks hendaklah menggunakan angka 1, 2, 3 dan seterusnya. Pada setiap muka surat pertama bab, nombor muka surat tidak perlu dicetak. Tetapi pada muka surat seterusnya perlu dicetak hingga muka surat terakhir bab berkenaan. Pada muka surat lampiran, nombor muka surat tidak perlu dicetak.

Muka surat permulaan ialah muka surat judul hendaklah dimulakan dengan nombor roman i tetapi nombornya tidak dicetak. Bagi muka surat berikutnya diteruskan dengan ii, iii, iv dan seterusnya serta dicetak pada bahagian bawah muka surat berkenaan.

### 3.4 Nombor Bab, Tajuk dan Sub-Tajuk

Nombor tajuk mestilah mengikut nombor pada bilangan bab yang ditetapkan. Nombor pada sub-tajuk ditaip dalam bentuk angka dan titik perpuluhan. Bagi pecahan sub-tajuk hanya boleh sehingga dua titik perpuluhan sahaja seperti di **Lampiran O**. Sub-tajuk seterusnya mestilah menggunakan nombor roman iaitu i, ii, iii, iv, dan seterusnya. Sub-tajuk di bawah sub-tajuk ini hendaklah ditaip dengan abjad iaitu a, b, c, d, dan seterusnya. Penggunaan *bullet* tidak dibenarkan dalam penulisan laporan. Contoh nombor bab dan sub-tajuk adalah seperti berikut;

|              |   |                   |
|--------------|---|-------------------|
| <b>BAB 1</b> | - | Nombor Bab        |
| <b>1.1</b>   | - | Sub-Tajuk         |
| <b>1.1.1</b> | - | Sub-Sub Tajuk     |
| <b>i</b>     | - | Sub-Sub-Sub-Tajuk |

### 3.5 Format Jadual

Semua jadual mestilah menggunakan Arabic Numeric dengan tajuk jadual diletakkan di atas jadual berdasarkan maklumat di Lampiran L, sekiranya tajuk itu hanya satu (1) baris ia perlu diletakkan di tengah (center), manakala sekiranya melebihi satu (1) baris ia perlu dijajarkan (align) ke sebelah kiri dengan penomboran jadual dibuat berdasarkan bab seperti contoh Jadual 1.1 bagi jadual pertama dalam Bab 1.

### 3.6 Format Rajah

Semua bahan ilustrasi seperti peta, carta, lukisan, graf, gambarajah dan fotograf disebut "Rajah" seperti yang dinyatakan dalam Lampiran M, semua rajah mestilah menggunakan Arabic numeric dengan tajuk yang diletakkan di bawah rajah tersebut. Sekiranya tajuk itu hanya satu (1) baris ia perlu diletakkan di tengah (center), manakala sekiranya tajuk rajah melebihi satu (1) baris ia perlu dijajarkan (align) ke sebelah kiri dengan pemberian nombor berdasarkan bab, seperti contoh Rajah 1.2 yang merupakan rajah kedua dalam Bab 1.

# BAB 4: FORMAT KANDUNGAN LAPORAN

## 4.1 Struktur Laporan Latihan Industri

Struktur laporan adalah merujuk kepada susunan tajuk-tajuk yang perlu ada di dalam laporan. Tajuk-tajuk ini penting kerana ianya akan memberi fokus kepada tajuk yang ingin diterangkan dan tidak melewati sempadan laporan. Susunan laporan hendaklah mengikut tertib seperti berikut:

- (i) Muka Hadapan
- (ii) Borang Pengesahan Semakan Laporan Latihan Industri
- (iii) Pengesahan Pelajar
- (iv) Penghargaan
- (v) Isi Kandungan
- (vi) Senarai Jadual
- (vii) Senarai Rajah
- (viii) Senarai Simbol
- (ix) Senarai Singkatan
- (x) Senarai Lampiran
- (xi) Kandungan Bab

Bab 1 : Pengenalan dan Latar Belakang Organisasi / Industri Latihan

Bab 2 : Ringkasan Aktiviti Latihan Industri

Bab 3 : Laporan Teknikal / Tugas

Bab 4 : Kesimpulan dan Cadangan

- (xii) Rujukan
- (xiii) Lampiran

## 4.2 Muka Hadapan

Maklumat hendaklah ditaip menggunakan *font Arial* bersaiz **14** poin dan huruf besar, dengan selang baris *1.5 lines* sebagaimana yang dinyatakan di **Lampiran A**, di mana nama penuh mestilah ditaip seperti dalam kad pengenalan dengan nombor pendaftaran ditaip tepat di bawah nama tersebut. Maklumat mengenai nama dan alamat organisasi hendaklah merujuk kepada nama penuh serta alamat rasmi atau ibu pejabat organisasi tempat latihan industri dilaksanakan, manakala sesi latihan industri pula merujuk kepada sesi pengajian semasa pelajar menjalani latihan tersebut.

## 4.3 Borang Pengesahan Semakan Laporan Akhir Latihan Industri

Borang ini ialah borang pengesahan yang diperakukan oleh panel penilai laporan yang menyatakan bahawa laporan telah dinilai dan disemak mengikut panduan dalam **Lampiran B**, di mana pelajar perlu mendapatkan tandatangan panel penilai selepas penilaian akhir latihan industri dibuat.

## 4.4 Pengesahan Pelajar

Pengesahan pelajar hendaklah ditaip pada halaman baru selepas halaman Borang Pengesahan Semakan Laporan Latihan Industri selaras dengan **Lampiran C**.

## 4.5 Penghargaan

Penghargaan yang dinukilkan mesti tidak melebihi satu halaman merujuk kepada **Lampiran D**, di mana kandungan penghargaan tersebut hendaklah merangkumi penghargaan kepada Tuhan, pengurusan firma, penyelia industri, ibu bapa, dan juga pihak umum.

## 4.6 Isi Kandungan

Senarai kandungan hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan penjajaran selang sebaris dari tajuk halaman sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran E**.

## 4.7 Senarai Jadual

Senarai jadual hendaklah dimulakan pada halaman baru dan mengandungi tajuk jadual di dalam teks dengan sistem penomboran mengikut bab, di mana penaipan senarai tersebut hendaklah dibuat selang baris dari tajuk halaman seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran F**.

## 4.8 Senarai Rajah

Senarai rajah hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan perkataan Senarai Rajah yang merangkumi senarai tajuk foto, peta, graf, carta, lukisan, lakaran dan sebagainya selaras dengan merujuk **Lampiran G**, tajuk rajah tersebut mestilah sama seperti yang ditaip mengikut nombor di dalam bab.

## 4.9 Senarai Simbol

Senarai simbol hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan perkataan Senarai Simbol seperti yang digariskan dalam **Lampiran H**, semua simbol yang digunakan di dalam teks hendaklah ditaip sepenuhnya pada bahagian ini.

## 4.10 Senarai Singkatan

Senarai singkatan hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan perkataan Senarai Singkatan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran I**, semua penggunaan nama singkatan yang digunakan di dalam teks hendaklah ditaip pada bahagian ini.

## 4.11 Senarai Lampiran

Senarai lampiran hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan perkataan Senarai Lampiran seperti yang terkandung dalam **Lampiran J**, ia hendaklah mengandungi tajuk ringkasan kertas kerja atau tender atau pekeliling mengikut kepentingan bagi menyokong bab-bab tertentu di dalam laporan.

## 4.12 Kandungan Bab

Teks dalam laporan hendaklah mengandungi bab-bab yang diberi tajuk. Setiap bab mestilah dimulakan dengan muka surat baru. Setiap tajuk dan sub-sub tajuk perlu diberikan nombor supaya teratur dan kemas. Pembahagian bab adalah seperti berikut;

### 4.12.1 Bab 1 – Pengenalan dan Latar Belakang Organisasi/Industri Latihan

Bahagian ini menerangkan pengenalan kursus latihan industri dan maklumat organisasi latihan pelajar. Pelajar dinasihat berbincang dengan pengurusan organisasi sebelum menulis maklumat supaya tidak bertentangan dengan dasar organisasi. Rujuk **Rajah 4.1** untuk contoh senarai kandungan bab 1.

|              |  |      |
|--------------|--|------|
| <b>BAB 1</b> | <b>PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG ORGANISASI INDUSTRI LATIHAN</b> |      |
|              | 1.1 Pengenalan Latihan Industri                                  | 1    |
|              | 1.1.2 Objektif Latihan Industri                                  | 2    |
|              | 1.1.3 Kepentingan Latihan Industri                               | 3-4  |
|              | 1.2 Maklumat Organisasi Latihan                                  | 5    |
|              | 1.2.1 Latar Belakang Penubuhan Organisasi                        | 5    |
|              | 1.2.2 Sejarah Syarikat   | 6    |
|              | 1.2.3 Logo Syarikat  | 6    |
|              | 1.2.4 Visi   | 6    |
|              | 1.2.5 Misi   | 7    |
|              | 1.2.6 Objektif   | 7    |
|              | 1.2.7 Halatuju Organisasi  | 8    |
|              | 1.3 Aktiviti Organisasi (Core Business)                          | 8    |
|              | 1.3.1 Servis   | 9    |
|              | 1.3.2 Produk   | 9-12 |
|              | 1.3.3 Kemudahan Syarikat   | 13   |
|              | 1.4 Carta Organisasi   | 13   |

**Rajah 4.1:** Contoh kandungan bab 1 laporan latihan industri pelajar

## 4.12.2 Bab 2 – Ringkasan Aktiviti Latihan Industri

Ringkasan aktiviti latihan adalah berdasarkan kepada latihan atau tugas yang dilaksanakan sama ada mengikut minggu, bulan atau bidang tugas. Ia dinyatakan dalam bentuk jadual. Rujuk **Rajah 4.2** untuk senarai kandungan.

|              |  |       |
|--------------|--|-------|
| <b>BAB 2</b> | <b>RINGKASAN AKTIVITI LATIHAN INDUSTRI</b> |       |
|              | 2.1 Pengenalan                             | 14-15 |
|              | 2.2 Ringkasan Aktiviti Latihan Industri    | 16-19 |

**Rajah 4.2:** Contoh kandungan bab 2 laporan latihan industri pelajar

Ringkasan aktiviti Latihan Industri hendaklah disediakan berdasarkan rumusan keseluruhan latihan serta tugas yang dilaksanakan oleh pelajar pada setiap minggu, bermula dari minggu pertama hingga minggu terakhir. Maklumat ini perlu disusun dan dipersembahkan dalam bentuk jadual yang jelas, sistematik dan mudah difahami. Jadual tersebut hendaklah merangkumi tarikh atau minggu serta penerangan ringkas mengenai aktiviti atau tugas yang dijalankan. Contoh **Jadual 4.1** ringkasan aktiviti Latihan Industri adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

**Jadual 4.1:** Contoh penyediaan Ringkasan Aktiviti Latihan Industri

| MINGGU / TARIKH                                | TUGASAN   |
|--|---|
| <b>MINGGU 1</b><br>4 Ogos 2025 – 9 Ogos 2025   | <ul style="list-style-type: none"><li>• Melapor diri di bahagian Food &amp; Beverage (F&amp;B) Courtyard Hotel dan diperkenalkan kepada staf dapur serta servis.</li><li>• Diberi taklimat pengenalan, keselamatan makanan serta <i>Standard Operating Procedures (SOP)</i> berkaitan amalan halal di hotel.</li><li>• Membincangkan skop kerja bersama penyelia berkaitan operasi dapur halal dan perkhidmatan pelanggan hotel.</li><li>• Melakukan tinjauan kawasan dapur utama, stor bahan mentah, chiller dan ruang penyediaan makanan.</li></ul> |
| <b>MINGGU 2</b><br>11 Ogos 2025 – 16 Ogos 2025 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Membantu dalam penyediaan bahan mentah mengikut prosedur halal</li><li>• Menjalankan kerja-kerja kebersihan dan sanitasi dapur mengikut standard keselamatan makanan hotel.</li><li>• Mempelajari kaedah penyimpanan bahan mentah (chiller, freezer, dry store) mengikut garis panduan halal.</li><li>• Membantu dalam penyediaan hidangan asas untuk buffet dan restoran di Courtyard Hotel.</li></ul>   |
| <b>MINGGU 3</b><br>18 Ogos 2025- 13 Ogos 2025  | <ul style="list-style-type: none"><li>• Membantu dalam penyediaan makanan (hot kitchen &amp; cold kitchen) di dapur hotel.</li><li>• Memastikan peralatan dapur sentiasa bersih serta mengelakkan pencemaran silang (<i>cross contamination</i>).</li><li>• Mengenal pasti isu berkaitan pematuhan halal dalam operasi dapur hotel serta cadangan penambahbaikan.</li></ul>   |

### 4.12.3 Bab 3 – Laporan Teknikal/Tugasan

Pelajar perlu menerangkan tugas atau kerja yang dilaksanakan semasa latihan. Setiap tugas hendaklah diterangkan secara terperinci dan disokong dengan teori, jadual, rajah, gambar atau ilustrasi yang bersesuaian. Ayat yang digunakan mesti tepat, padat, mudah difahami dan berbentuk pasif.

Contoh yang diberikan pada **Rajah 4.3** adalah merujuk kepada pelajar Program Perkhidmatan Makanan Amalan Halal. Setiap pelajar perlu menyesuaikan penulisan laporan mengikut program masing-masing serta tugas sebenar yang dilaksanakan semasa menjalani latihan industri.

| <b>BAB 3</b> | <b>LAPORAN TEKNIKAL TUGASAN</b>                                    |       |
|--------------|--|-------|
|              | 3.1 Pengenalan   | 20    |
